

**PERSEPSI HAMKA TERHADAP AMALAN KHURAFAT DI MESIR
BERDASARKAN TEORI INTERAKSIONISME DALAM TRAVELOG
'MENYUSURI LEMBAH SUNGAI NIL'**

***HAMKA'S PERCEPTION OF SUPERSTITIONS IN EGYPT BASED ON
THE THEORY OF INTERACTIONISM IN THE TRAVELOG
'MENYUSURI LEMBAH SUNGAI NIL'***

Nur Ain Solehah Mohd Aznan

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Firuz-Akhtar Lubis*

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: firuz@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Aznan, N. A. S. M. & Lubis, F. A. (2024). Persepsi Hamka terhadap Amalan Khurafat Di Mesir Berdasarkan Teori Interaksionisme dalam Travelog 'Menyusuri Lembah Sungai Nil'. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 86-97.

ABSTRAK

Amalan khurafat mampu memperdayakan manusia yang percaya dan berpegang dengannya walaupun ia bercanggah dengan hukum syarak dan akidah Islam. Kajian ini membahaskan persepsi Hamka terhadap amalan khurafat di Mesir dalam travelognya yang berjudul *Menyusuri Lembah Sungai Nil*. Persepsi Hamka terhadap amalan khurafat itu dianalisis dengan menggunakan teori interaksionisme. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa persepsi Hamka terhadap amalan khurafat di Mesir bertepatan dengan prinsip teori interaksionisme. Diharapkan kajian terhadap travelog nukilan Hamka akan terus dipergiatkan lantaran kekurangan perhatian terhadap karya kembaranya berbanding karya-karyanya yang lain.

Kata kunci: Hamka; Khurafat; Teori Interaksionisme; Travelog; Mesir

ABSTRACT

The practice of superstition can deceive those who believe in and adhere to it, even though it contradicts Islamic law and beliefs. This study discusses Hamka's perception of superstitious practices in Egypt as described in his travelogue titled, Menyusuri Lembah Sungai Nil (Tracing the Valley of the Nile). Hamka's perception of these superstitions is analyzed using the theory of interactionism. This research is qualitative in nature and employs content analysis methods. The findings suggest that Hamka's views on superstitious practices in Egypt align with the principles of interactionism. It is hoped that further studies on Hamka's travelogue will be encouraged, given the lack of attention to his travel writings compared to his other works.

Keywords: Hamka; Superstitious; Interactionism Theory; Travelogue; Egypt

1.0 PENGENALAN

Travelog didefinisikan sebagai catatan seseorang pengembara yang menghimpunkan pengamatannya terhadap sesuatu masyarakat. Di samping itu, catatan kembara semakin giat dilakukan khususnya dalam kalangan pengembara moden (Zohkarnain & Lubis 2021). Hal yang demikian termasuklah pengembara yang dilakukan oleh Hamka dalam pengembaraannya di Mesir sambil mencatatkan segala pengamatannya sepanjang di sana.

Artikel ini membincangkan persepsi Hamka terhadap amalan khurafat di Mesir berdasarkan teori Interaksionisme dalam travelog yang bertajuk *Menyusuri Lembah Sungai Nil*. Berdasarkan karya ini, didapati beliau telah mengamati amalan khurafat dalam Masyarakat Mesir. Secara keseluruhannya, terdapat beberapa fokus utama yang dibincangkan dalam makalah ini. Antaranya aspek latar belakang penulis, iaitu Hamka. Makalah ini membincangkan kehidupan Hamka bermula dari kelahirannya sehingga pengakhiran hayatnya. Seterusnya, latar belakang teori Interaksionisme dan analisis persepsi terhadap amalan khurafat di Mesir, iaitu persepsi terhadap amalan memohon hajat di makam. Keduanya, persepsi terhadap amalan pemujaan makam agamawan.

Menurut *Kamus Dewan* (2007), khurafat membawa maksud kepercayaan karut, dongeng dan tahyul. Manakala menurut *al-Mu'jam al-Wasit* (1972), khurafat didefinisikan sebagai cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta. Menurut *Kamus Idris al-Marbawi* (1998), khurafat bermaksud cerita karut. Di samping itu, menurut *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam* (1991), khurafat didefinisikan sebagai perbuatan yang didorong oleh kepercayaan yang bertentangan dengan akal dan syariat. Berdasarkan takrifan ini jelas bahawa khurafat ialah segala perkara dan perbuatan menipu dan bukan realiti sebenar. Amalan khurafat ini mampu memperdayakan manusia yang percaya dan berpegang dengannya walaupun bercanggah dengan hukum syarak dan akidah Islam (Salleh et al. 2021). Di Malaysia, dalam usaha membanteras amalan khurafat dalam masyarakat, Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri mengeluarkan satu garis panduan mengenai khurafat dan azimat. Antara institusi agama yang

terlibat ialah Pejabat Mufti Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Bentuk amalan khurafat yang dilakukan dalam sesebuah masyarakat atau individu terdapat unsur pengaruh dan fahaman luar yang diaplikasikan demi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sebuah buku yang bertajuk *Khurafat Alam Melayu*, karya Akhyar (2010), telah membincangkan bentuk amalan khurafat dalam Masyarakat Melayu yang dipengaruhi oleh fahaman Animisme-Dinamisme dan Hinduisme-Buddhisme di Tanah Melayu lebih awal sebelum kedatangan Islam. Di samping itu, kepercayaan khurafat masuk ke dalam aktiviti Masyarakat Melayu kerana amalan ini dianggap ikhtiar oleh sebahagian mereka.

Menurut perspektif Islam (JAKIM 2008), satu garis panduan mengenai ciri-ciri khurafat dan azimat telah dikeluarkan, antara ciri-cirinya ialah tidak didasarkan pada nas-nas dan syarak sama ada al-Quran atau Hadis. Selain itu, cerita-cerita rekaan, dongeng dan khayalan atau kepercayaan karut. Seterusnya, bersumberkan kepada kepercayaan-kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam. Di samping itu, berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan memudaratkan dan menyeleweng dari akidah Islam. Selain itu, menggunakan objek-objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan yang tertentu. Akhir sekali, mempunyai unsur-unsur negatif pada akidah dan syariat Islam.

Menurut Salleh et al. (2021) dalam kajiannya yang bertajuk 'Unsur khurafat dalam ajaran sesat di Malaysia: Analisis pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia', suatu ajaran boleh difatwakan sesat jika terdapat unsur khurafat dan menyalahi akidah umat Islam. Selain itu, atikel ini mengkaji berkenaan unsur-unsur khurafat dalam beberapa ajaran sesat yang diwartakan di Malaysia. Kajian Abdullah (2024), 'Metode pengurusan pencegahan amalan khurafat: Satu kajian di Pulau Besar, Melaka' memperkukuh kenyataan berhubung unsur khurafat difatwakan sesat dan menyalahi akidah umat Islam. Malah, kini terdapat pelbagai garis panduan dan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka untuk menyekat aktiviti khurafat di sana.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, amalan khurafat di Mesir sememangnya sesuai untuk dijadikan sebagai satu tema utama dalam kajian ini. Lebih-lebih lagi karya sastera yang membawa tema pengembaraan Hamka di Mesir untuk melihat budaya masyarakat lain mengenai amalan khurafat. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji amalan khurafat di Mesir dalam travelog Menyusuri Lembah Sungai Nil oleh Hamka.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini secara keseluruhan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini dijalankan dengan memperincikan kepada pengumpulan data dan analisis kandungan teks kajian. Di samping itu, kajian ini menggunakan teks kajian sebagai rujukan utama bagi menganalisis persepsi Hamka terhadap amalan khurafat di Mesir. Persepsi tersebut dianalisis berdasarkan teori interaksionisme. Manakala dari sudut pengumpulan data, selain sumber primer,

kajian turut menggunakan sumber sekunder seperti artikel jurnal, laman web rasmi dan ensiklopedia sebagai sokongan kajian.

3.0 LATAR BELAKANG DAN SINOPSIS KARYA

Novel *Menyusuri Lembah Sungai Nil* ini merupakan buku terjemahan daripada bahasa Indonesia kepada bahasa Melayu. Buku ini merupakan buku bersiri travelog Hamka ke pelbagai negara. Karya ini diterbitkan pada tahun 1951 di bawah penerbitan Gapura, iaitu sebuah firma penerbitan yang menyumbangkan perbelanjaan tambahan sewaktu pengembaraan Hamka sewaktu di Mesir. Karya ini mengandungi 264 halaman muka surat. Secara fizikal, buku ini tidak tebal dan mudah untuk dibaca dengan waktu yang singkat. Setakat ini, karya ini hanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sahaja. Karya yang baik pasti akan diterima dan memberikan impak dalam diri pembaca. Begitu juga dengan novel ini jelas diterima dengan baik oleh pembaca. Hal ini kerana pembaca karya ini meninggalkan komen positif dan menyatakan kepercayaan dan kecintaan mereka tentang apa jua karya yang dihasilkan oleh Hamka.

Novel *Menyusuri Lembah Sungai Nil* mengisahkan tentang catatan sejarah perjalanan Hamka selama 7 hari di Mesir. Naskhah yang berkisarkan pengembaraan ilmiah Hamka ke Bumi Kinanah Mesir pada tahun 1950. Pengembaraan ilmiah ialah perjalanan yang melibatkan pemikiran dan perasaan serta memberikan impak kepada pengembara mengenai bidang ilmu dan sebagainya. Negara Mesir tertanam di lubuk hati Hamka dan kecintaannya terhadap Mesir itu ditanamkan oleh ayahnya sejak kecil. Beliau menanam impian dan tekad untuk menziarahi Mesir. Oleh itu, impiannya terwujud pada tahun 1950, Hamka berjaya menginjakkan kakinya di Mesir setelah melaksanakan ibadah haji. Antara aktiviti dan tempat yang Hamka datangi sepanjang di Mesir ialah Hamka meninjau inti fikiran tokoh-tokoh Mesir dengan menziarahi kedutaan Indonesia. Selain itu, beliau juga mengadakan pertemuan dan bertukar pendapat dengan tokoh-tokoh hebat seperti Dr. Mohammed Hussein Haikal Pasha, Abbas Mahmoud al-Aqqad, Dr. Taha Hussein Pasha, Fekry Pasha Abaza, Muhammad Ali Alluba Pasha dan Dr. Ahmad Ahmad Ghalwash.

Hamka yang mementingkan pendidikan tidak melepaskan peluang untuk menziarahi Universiti Fuad 1 yang kemudian ditukar nama kepada Universiti Kaherah pada tahun 1954. Di samping itu, Hamka juga tidak melepaskan peluang untuk menziarahi tempat-tempat bersejarah seperti Piramid Giza, Abu al-Hawl (Sphinx), Muzium Mesir serta masjid-masjid yang tersergam indah di sana. Hamka telah menyusuri Mesir dengan penuh kekaguman. Pengalamannya jelas mempengaruhi corak pemikiran beliau dalam buku ini di mana sepanjang perjalanannya di Mesir dicatatkan dalam karya ini.

4.0 LATAR BELAKANG HAMKA

Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau dikenali sebagai HAMKA merupakan seorang ulama tersohor di Nusantara (Nushuhadah & Lubis 2021). Hamka dilahirkan pada 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharram 1326H di sebuah perkampungan kecil iaitu Sungai Batang, berhampiran dengan Danau Maninjau,

Sumatera Barat, Indonesia. Bapa beliau merupakan seorang ulama dan reformis Islam terkenal yang bernama Dr. Abdul Karim Amrullah. Beliau juga dikenali sebagai Haji Rasul. Hamka dikenali dengan sumbangan serta ketokohnya dalam pelbagai bidang sehingga dikenali bukan sahaja dari alam Melayu, malahan turut dikenali oleh dunia barat (Stark et al. 2022).


Sewaktu kecil, Hamka telah memulakan pendidikan formalnya di Sekolah Dasar Maninjau sehingga kelas dua. Setelah itu, Hamka mengikuti perjalanan hijrah ayahnya ke Padang Panjang yang terletak di Sumatera Barat. Di sana, beliau meneruskan pengajiannya di sebuah sekolah agama iaitu Sumatera Thawalib ketika berusia 10 tahun (Razikin 2009). Selain itu, Hamka telah menerima pendidikan tidak formal seperti mempelajari ilmu-ilmu agama di masjid, surau serta berguru dengan beberapa orang ulama (Nushuhadah & Lubis 2021). Pada tahun 1929, Hamka telah berkahwin dengan Siti Raham pada usianya 21 tahun, manakala isterinya baru mencecah 15 tahun. Hamka meninggal dunia pada 24 Julai 1981 pada bulan Ramadan. Beliau meninggal disebabkan oleh serangan jantung selepas solat tarawikh di Masjid Al-Azhar.

Ketokohan Hamka dalam bidang penulisan tidak dapat dinafikan lagi. Beliau memiliki pelbagai variasi dalam bidang penulisan yang diceburi. Hal ini kerana beliau mampu menghasilkan karya dari pelbagai genre yang berbeza (Alfiyah 2016). Hamka telah membuktikan ketokohnya sebagai sasterawan dengan menghasilkan penulisan sastera kreatif. Beliau bukan sahaja mampu menulis karya berkaitan agama, malah beliau berbakat menghasilkan karya sastera kreatif seperti *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dengan kedua-dua karya ini berjaya diadaptasi menjadi sebuah filem (Yusof 2019). Di samping itu, beliau berjaya menghasilkan enam buah novel, iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (1938), *Merantau ke Deli* (1938), *Di Bawah Lindungan Kaabah* (1938) dan lain-lain (Yusof 2019). Manakala penulisan cerpen yang beliau hasilkan ialah *Di Dalam Lembah Kehidupan* (1941), *Menunggu Bedok Berbunyi* (1950) dan *Cermin Penghidupan* (1962) (Yusof 2019). Oleh itu, ketokohan Hamka sebagai seorang sasterawan tidak dapat disangkal lagi. Di samping itu, Hamka terbukti merupakan seorang penulis yang prolifik, dan karyanya dianggap penting untuk agama, intelektual, dan kehidupan masyarakat.

5.0 TEORI INTERAKSIONISME

Teori Interaksionisme telah diasaskan oleh Mead (1934). Menurut beliau teori ini mengkaji cara seseorang untuk menginterpretasi dan bertindak dalam sesebuah kehidupan bermasyarakat. Di samping itu, teori ini mempunyai dua asas pemerhatian penting, iaitu mengkaji makna simbolik atau makna tersirat secara subjektif. Selain itu, pemerhatian bagaimana makna yang disimbolikkan itu digunakan dalam interaksi dan sifat manusia. Menurut Mead, interaksionisme simbolik merupakan interaksi sosial dengan pembentukan identiti terhadap realiti melalui pemikiran tentang fikiran (*mind*), diri sendiri (*self*), dan masyarakat (*society*) yang berupaya membentuk makna dalam diri seseorang individu (Azizah & Anwar 2024). Dalam kehidupan sosial, manusia menggunakan simbol untuk menunjukkan maksud mereka.

Dalam proses interaksi manusia dengan menggunakan simbol, mereka akan menginterpretasi sesuatu situasi yang berlaku dengan fikiran (*mind*) kerana pemikiran manusia akan melibatkan kegiatan mental untuk menafsirkan erti sesuatu simbol dengan tepat. Selain itu, diri sendiri (*self*) juga sebuah proses yang mampu berkembang melalui interaksi seiring dengan interaksi sosial. Dalam proses ini, individu berkemungkinan untuk melihat dirinya sendiri sebagaimana mereka melihat objek di luar dari dirinya. Konsep ini disebut sebagai *looking-glass self* (Laksmi 2017).



Rajah 1: Teori interaksionisme simbol
Sumber: Pengkaji (2024)

Terdapat beberapa prinsip asas teori interaksionisme simbolik yang telah dikemukakan oleh Ritzer dan Stepnisky (2019), iaitu: (1) manusia tidak sama dengan binatang kerana manusia mempunyai keupayaan berfikir; (2) keupayaan berfikir manusia dibentuk oleh interaksi sosial; (3) dalam interaksi sosial, manusia mempelajari simbol dan makna yang membolehkan mereka mengamalkan keupayaan berfikir yang ada dalam diri mereka; (4) simbol dan makna membolehkan manusia beraksi dan berinteraksi; (5) manusia berupaya mengubah suai simbol dan makna berdasarkan interpretasi mereka terhadap sesuatu situasi; (6) manusia berupaya menjangkakan kesan tindakan, membuat penilaian baik dan buruk, serta menentukan tindakan sesuai; dan (7) jalinan aksi dan interaksi akan membentuk kumpulan dalam masyarakat.

Teori ini merupakan simbolik yang menggambarkan perilaku manusia. Di samping itu, Teori Interaksionisme ini pada asasnya menumpukan kepada Tindakan dan tingkah laku manusia dalam interaksi sosial. Di samping itu, melihat keupayaan Masyarakat bertindak balas dalam mempengaruhi orang lain. Justeru, keadaan ini memerlukan pembelajaran mengenai simbol-simbol dan makna tertentu dalam proses interaksi sosial. Hal ini menunjukkan kepentingan interaksi dan komunikasi untuk menterjemahkan simbol-simbol tersebut.

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Persepsi Terhadap Amalan Memohon Hajat Di Makam

Menurut *Kamus Dewan* (2007), makam bermaksud kubur yang digunakan untuk orang yang dihormati seperti nabi, para wali, keluarga diraja dan sebagainya. Di samping itu, menurut Prasetyo dan Fahrozi (2016), perkuburan pada zaman prasejarah belum dapat diketahui pertama kali kegiatan tersebut dilakukan. Namun, jelas bahawa kegiatan perkuburan merupakan ritual penghormatan bagi orang yang telah mati. Dalam kegiatan perkuburan, pemohonan hajat di makam antara kegiatan yang dilakukan dalam Masyarakat Mesir. Hal ini boleh dilihat berdasarkan petikan tersebut:

Maaf! Kami dapati seorang Perempuan muda tengah asyik berguling-guling di hamparan permaidani di pinggir makam syeikh keramat itu. Maaf, kerana sangat khusyuk agaknya, gaunnya terangkat ke atas dan tinggal celana pendek sekadar menutup auratnya dan paha putihnya tersimbah keluar. Dai sampingnya, ibunya duduk menantikannya (Hamka 2022).

Berdasarkan petikan di atas dapat diperhatikan Hamka terkejut dengan perbuatan seorang perempuan yang berguling di atas permaidani sehingga menampakkan auratnya. Ini dapat ditonjolkan dalam perkataan 'Maaf!' dalam petikan di atas. Perbuatan khurafat ini dilakukan di pinggir makam Syeikh Ahmed al-Rifa'i. Malah, amalan ini seperti sesuatu perbuatan yang biasa dilakukan di makam tersebut. Hal ini kerana ibu perempuan tersebut setia menunggu anak perempuannya melakukan perbuatan tersebut di sampingnya. Hamka yang terkejut dengan perbuatan tersebut telah berundur dengan segera. Lantas, amalan khurafat ini diterangkan oleh rakan Hamka bahawa perbuatan khurafat tersebut dilakukan bertujuan untuk meminta berkat Syeikh al-Rifa'i, kemudian memohon dikabulkan permintaan mereka seperti permintaan jodoh, permintaan anak, serta permintaan agar suami mereka lebih menyayangi mereka dalam kehidupan bermadu.

Berdasarkan penelitian, prinsip asas teori interaksionisme simbolik yang digunakan oleh Hamka ialah manusia berupaya mengubah suai simbol dan makna berdasarkan interpretasi mereka terhadap sesuatu situasi. Dalam konteks ini, cara Hamka berinteraksi dalam pemberian makna melalui simbol-simbol adalah dengan cara kata-kata dan ekspresi beliau ketika melihat perbuatan khurafat ini dilakukan di hadapan beliau. Hamka telah melakukan interaksi sosial dengan bertanya kepada orang yang lebih memahami dengan tujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara ini. Interaksi sosial yang dilakukan oleh Hamka ini bertepatan dengan teori interaksionisme di mana dengan interaksi sosial, manusia mampu membentuk hubungan dan memahami diri sendiri dan masyarakat di sekitarnya.

Secara umumnya, Hamka merupakan seorang yang arif tentang ilmu agama dan jelas mengetahui perbuatan khurafat amat ditentang dalam Islam. Namun, disebabkan beliau berada di luar dari masyarakat kebiasaannya, beliau tidak

menghukum perbuatan itu secara terus. Malah, Hamka berfikiran kritis dalam memahami konsep khurafat ini. Menurut Zahid (2019), konsep-konsep yang di sekeliling kita merupakan konsep yang bersifat tempatan dan global. Terdapat beberapa konsep yang terhad dan hanya diketahui oleh kaum tertentu. Sebagai contoh, konsep Feng-Shui. Konsep ini tidak diketahui oleh semua orang, malah konsep ini hanya diketahui oleh orang Cina sahaja. Justeru, untuk memahami idea di sebalik konsep ini, seseorang perlu mentafsirkan dan membuat kesimpulan daripadanya.

Prinsip akidah meletakkan bahawa semua amalan yang tidak berkaitan dengan Islam dianggap menyeleweng dari ajaran Islam, termasuklah perbuatan khurafat. Perkara ini bertepatan dengan hadis yang menjelaskan bahawa kepercayaan kepada unsur-unsur khurafat dilarang dan merosakkan akidah seorang muslim. Rasulullah SAW bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud, mafhumnya: "Percaya kepada burung itu syirik, percaya kepada burung itu syirik, dan tiada seorang pun dari kita melainkan dilanda oleh perasaan itu, akan tetap Allah menghilangkannya tawakkal" (Abu Dawud t.th.).

Hukum melakukan amalan khurafat ini juga jelas Allah sebutkan dalam al-Quran. Firman Allah SWT yang mafhumnya: "Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak mendatangkan mudharat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)" (Surah Yunus 10: 106).


Oleh itu, jelaslah amalan khurafat seperti meminta hajat selain daripada Allah SWT seperti di makam adalah dilarang dalam Islam. Di samping itu, budaya untuk berfikiran kritis dan berinteraksi mengenai perkara di luar kebiasaan masyarakat di sekeliling kita amat penting bagi mendapatkan pemahaman yang sebenar. Hal ini penting bagi mengelakkan salah faham yang ditafsirkan sendiri tanpa mempunyai pemahaman sebenar tentang sesuatu konsep. Lebih-lebih lagi konsep yang bersifat global perlulah mencari pakar dan orang lebih faham untuk memberi pencerahan mengenai sesuatu perkara.

6.2 Persepsi Terhadap Amalan Pemujaan Makam Agamawan

Roh merupakan salah satu unsur ghaib dan tidak mampu untuk dicapai oleh akal manusia. Menurut sesetengah budaya, roh nenek moyang perlu dihormati kerana akan memberi pengaruh kepada kehidupan keturunan mereka. Selain itu, segelintir umat Islam mempunyai amalan untuk menunjukkan wujudnya kepercayaan roh orang yang telah mati dan bertemu dengan keluarganya (Nasir & Ahmad 2020). Oleh itu, terdapat masyarakat yang mempercayai tokoh yang mempunyai keramat akan disanjung tinggi dan tokoh yang telah meninggal dunia, kuburnya akan dipuja (Ismail & Ismail 2020). Pemujaan kubur agamawan dapat dilihat juga berlaku di Mesir ketika Hamka melakukan ziarah di sana. Buktinya ialah seperti berikut:

Kami berziarah ke makam al-Syafie. Di sana pun berkerumun orang, lelaki perempuan, tua muda, broekrok (seluar perempuan yang panjang

dan labuh) dan berpakaian lama, berserban atau berdasi. Di sini terdapat orang memasukkan rekes (surat permohonan) kepada makam itu. Banyak surat-surat di situ, disusun baik-baik di samping mejan (batu nisan) beliau. Khabarnya rekes itu diteliti oleh pemerintah. Kalau ada rekes yang 'konkrit', maka pemerintah sanggup 'mewakili' al-imam syafie mengurus rekes itu (Hamka 2022).



Sumber: Novel *Menyusuri Lembah Sungai Nil*, karya Hamka.

Berdasarkan petikan ini, Hamka melakukan ziarah ke makam-makam para agamawan seperti al-Syafie. Di sana, beliau mengalami kehairanan yang lebih besar berbanding peristiwa sebelumnya di makam Syeikh Ahmed al-Rifa'i. Beliau melihat orang ramai berkerumun di makam tersebut tanpa mengira jantina, peringkat umur dan pakaian melakukan amalan khurafat dengan memasukkan surat permohonan kepada makam itu. Malah, surat permintaan yang diletakkan di makam itu akan diteliti oleh pemerintah. Kemudian, sekiranya terdapat permintaan yang boleh ditunaikan, maka pemerintah sanggup untuk menunaikan permintaan orang tersebut bagi mewakili al-Imam Syafie.

Hasil penelitian mendapati bahawa Hamka telah menggunakan satu daripada prinsip asas teori interaksionisme simbolik yang telah dikemukakan oleh Ritzer dan Stepnisky (2019) iaitu manusia berupaya menjangkakan kesan tindakan, membuat penilaian baik dan buruk, serta menentukan tindakan yang sesuai. Hal yang demikian kerana Hamka berpendapat seseorang yang memiliki pelajaran yang tinggi tidak akan melakukan perbuatan seperti ini disebabkan mereka lebih baik dalam membuat penilaian yang lebih baik tentang baik dan buruk dalam sesuatu perkara. Dalam konteks ini ialah amalan khurafat yang dilakukan di makam Imam al-Syafie. Kenyataan ini berdasarkan ayat Hamka seperti berikut: "Mengapa di sana ada juga saya lihat gadis-gadis dan pemuda pelajar tinggi serta orang-orang moden?" tanya saya (Hamka 2022).

Kenyataan ini sedikit sebanyak menggambarkan kehairanan Hamka dalam melihat perbuatan khurafat yang masih dilakukan dalam dunia yang moden. Beliau berfikir dengan dunia yang semakin moden, amalan seperti ini tidak dilakukan lagi. Akan tetapi amalan khurafat ini telah mandarah daging dalam masyarakat di Mesir. Kepercayaan lama seperti ini amat susah untuk dibuang dalam diri manusia kerana ia telah berbekas dalam dasar jiwa mereka sejak lama. Oleh itu, walaupun dunia semakin moden, ilmu pengetahuan yang dipelajari semakin moden, tradisi dan kepercayaan lama ini tetap diamalkan oleh mereka.

Pada asalnya, sistem kepercayaan manusia boleh dikelaskan kepada tiga iaitu kepercayaan tradisional, sains dan agama (Abdul Razak 2005). Kepercayaan tradisional adalah kepercayaan yang diwarisi daripada nenek-moyang. Sementara sains bersifat dinamik dan ia merupakan ilmu yang didapati melalui kajian sistematik ke atas fenomena alam. Manakala agama merupakan kepercayaan yang berasal daripada wahyu dan berteraskan ketuhanan. Kebanyakan hukum tradisional bertentangan dengan teori saintifik dan dikaitkan dengan khurafat. Antara ciri pemikiran dalam fahaman tradisional adalah kecenderungan untuk menerima atau menolak suatu pemerhatian. Selain itu, penerimaan masyarakat secara membuta tuli sebarang pendapat yang diberikan oleh tokoh-tokoh dan dianggap tidak boleh dipertikaikan (Abdul Razak 2005). Maka perkara ini mewujudkan masyarakat yang mengikuti kepercayaan tradisional tanpa sebarang kajian dari semasa ke semasa.

Di samping itu, Hamka menurut kacamatanya memandangkan amalan khurafat di Mesir ini tidak jauh beza dengan Indonesia. Beliau berpendapat bahawa dua negara ini mempunyai penyakit yang sama. Antara penyakit khurafat di Indonesia adalah amalan ziarah bulan di bulan Safar di Ulakan, Pariaman. Selain itu, amalan di mana masyarakat Indonesia menganggap kubur Said di Luar Batang itu teramat suci. Namun, Hamka memberitahu di Sumatera, amalan seperti ini sudah berkurang. Hal ini disebabkan munculnya ulama-ulama moden yang terkenal dengan gelaran 'Kaum Muda' yang membanteras sekeras-kerasnya amalan khurafat. Akan tetapi di Jawa masih terdapat masyarakat yang masih mengamalkan amalan khurafat.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa persepsi Hamka bertepatan dengan prinsip teori interaksionisme simbol iaitu manusia berupaya menjangkakan kesan tindakan, membuat penilaian baik dan buruk, serta menentukan tindakan yang sesuai. Tindakan ini perlu dilakukan manusia seiring dengan peredaran zaman. Malah, kepercayaan tradisional yang tidak bertepatan dengan syarak dan logik akal perlu lebih dikaji dan ditinggalkan. Lebih-lebih lagi apabila mengakibatkan amalan khurafat seperti ini.

7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati dua hasil dapatan yang difokuskan. Pertama, persepsi terhadap amalan memohon hajat di makam. Keduanya, persepsi terhadap amalan pemujaan makam agamawan. Di samping itu, tidak dapat dinafikan karya Hamka ini banyak memaparkan prinsip dalam teori Interaksionisme dalam persepsi yang dilakukan oleh Hamka terhadap amalan khurafat di Mesir iaitu manusia berupaya mengubah suai simbol dan makna berdasarkan interpretasi mereka terhadap sesuatu situasi. Selain itu, manusia berupaya menjangkakan kesan

tindakan, membuat penilaian baik dan buruk, serta menentukan tindakan yang sesuai. Didapati segala persepsi tersebut dilakukan Hamka untuk lebih mengetahui sebab dan asal usul amalan ini dilakukan. Justeru itu, Hamka berjaya membuktikan ketokohan beliau sebagai seorang pemikir Islam dalam karyanya *Menyusuri Lembah Sungai Nil*.

Oleh itu, jelaslah bahawa sebarang perbuatan yang bercampur dengan unsur khurafat adalah jelas bertentangan dalam ajaran agama Islam. Akhir kata, pengkaji mencadangkan agar sebuah kajian travelog yang lain perlu dikaji mengenai khurafat dengan menggunakan teori atau pendekatan yang berbeza. Di samping itu, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan dengan mengkaji tema yang berbeza dalam karya *Menyusuri Lembah Sungai Nil*. Hal yang demikian kerana masih banyak kajian belum dijalankan mengenai karya ini.

Sumbangan Pengarang

Aznan, N. A. S. M. & Lubis, F. A. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abdul Razak, Z. K. (2005). Mencari kebenaran: Antara kepercayaan tradisional, sains dan agama. *Prosiding KONAKA Konferensi Akademik 2005*. 13-15 Disember, UiTM Pahang.
- Abdullah, R. B. (2024). Metode pengurusan pencegahan amalan khurafat: Satu kajian di Pulau Besar, Melaka. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-9*, hlm. 2811-4051.
- Abu Dawud. (t.th.). *Sunan Abi Dawud*. Jil. 4. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Adil, A. (2010). *Khurafat Alam Melayu*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- al-Mu'jam al-Wasit*. (1972). Jil. 1. Istanbul: al-Maktabah al-Islamyyiah.
- Alfiyah, A. (2016). Metode penafsiran Buya Hamka dalam Tafsir al-Azhar. *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin*, 15(1), 25-35.
- Azizah, S. N. & Anwar, M. S. (2024). Permainan Kehidupan Keluarga dalam Novel Ayah dan Sirkus Pohon Karya Andrea Hirata. *Jurnal Ilmiah FONEMA: Jurnal Edukasi Bahasa dan Sastra Indonesia*, 7(1), 1-18.
- Hamka. (2022). *Menyusuri Lembah Sungai Nil*. Bangi: JT Publishing House Sdn Bhd.
- Ismail, S. & Ismail, M. S. I. (2020). Unsur-Unsur Mistik dan Pemujaan Dalam Kalangan Masyarakat Melayu di Pulau Besar Negeri Melaka. *Jurnal Melayu*, 19(2), 254-269.

- Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2008). *Garis Panduan Khurafat dan Azimat*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamus Dewan*. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Idris al-Marbawi: Arab-Melayu*. (1998). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Laksmi, L. (2017). Teori Interaksionisme Simbolik Dalam Kajian Ilmu Perpustakaan Dan Informasi. *Pustablibia: Journal of Library and Information Science*, 1(2), 121-138.
- Mead, G. H. (1934). *Mind, Self and Society*. Chicago: University of Chicago.
- Nasir, K. & Ahmad, K. (2020). Roh manusia menurut perspektif agama, falsafah dan budaya dunia: Suatu sorotan literatur. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 119-138.
- Nushuhadah, Z. & Lubis, F. -A. (2021). Hamka: Tokoh ulama Nusantara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 74-82.
- Prasetyo, S. E. & Fahrozi, M. N. (2016). Pemujaan terhadap makam, tradisi masyarakat Lebong, Bengkulu. *Siddhayatra*, 21(2), 69-86.
- Razikin, B. (2009). 101 Jejak tokoh Islam. *Yogyakarta: e-Nusantara*, 191.
- Ritzer, G. & Stepnisky, J. (2019). *Teori Sosiologi*. Ed. ke-10. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Salleh, M. K. M., Manaf, M. F. A. & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur khurafat dalam ajaran sesat di Malaysia: Analisis pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144-157.
- Stark, A., Zakaria, K. & Kurniawan, Y. (2022). Pemikiran Hamka tentang cara hidup matrilineal masyarakat Minangkabau. *Jurnal Melayu*, 21(2), 1-15.
- Yusof, Y. A. J. (2019). Sumbangan dan legasi Hamka sebagai ulama tersohor Nusantara. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019.
- Zahid, I. (2019). Melayu dan kritikan: Analisis kesantunan Mentor 7. *Jurnal Melayu*, 18(2), 131-146.
- Zohkarnain, N. A. & Lubis, F.-A. (2021). Persepsi Sayyid Qutb terhadap Paderi di Amerika Syarikat dalam Traveloginya Amerika Allati Ra'ytu. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 43(1), 173-184.